

# Jaringan Siber Selamat




241 Jalan Burma, 10350 Penang, Malaysia  
T 04-228 0342 F 04-228 5784  
E [wcc@wccpenang.org](mailto:wcc@wccpenang.org) W [www.wccpenang.org](http://www.wccpenang.org)

Saya tahu apa yg anda fikirkan  
Tentu satu risalah yg m'bosankan  
Tapi anda silap.



**Facebook, MSN dan Twitter** memang menakjubkan untuk dilayari. Memang syok boleh 'chat', kongsi gambar dengan orang lain dan jemput ke *event page*, kan? Tapi bila tengah syok anda mesti berhati-hati.

Tahu tak, ada orang di luar sana yang boleh aniyai anda? Orang seperti ini tak akan beritahu perkara yang sebenar tentang diri mereka. Mereka boleh tipu tentang umur dan rupa mereka. Mereka juga boleh memperdayakan anda untuk memberi maklumat peribadi tentang diri anda yang boleh disalahgunakan.



## Cara untuk membantu diri

### Jika diganggu melalui telefon bimbit...

- Simpan mesej tersebut sebagai bukti
- Maklum kepada pembekal servis
- Tukar nombor telefon atau sekat panggilan
- Laporkan kepada polis



### Jika diganggu secara "online"...

- Tekan pada butang "Penyalahgunaan" (report abuse) dan beritahu kepada pihak perantaraan (moderator)
- Log keluar
- Simpan mesej atau gambar berunsurkan seks sebagai bukti
- Laporkan kepada polis



### Jangan diamkan diri mengenai gangguan atau penderaan

- Beritahu ibu bapa atau orang dewasa yang anda percayai
- Emel kepada Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia [aduanskmm@cmc.gov.my](mailto:aduanskmm@cmc.gov.my) (lampirkan laporan polis anda)
- Emel "Malaysia Computer Emergency Response Team" [cyber999@cybersecurity.my](mailto:cyber999@cybersecurity.my) (lampirkan laporan polis anda) atau telefon 1-300-88-2999 (waktu pejabat)

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi WCC di 04-228 0342 atau emel [wcc@wccpenang.org](mailto:wcc@wccpenang.org)



Kartunis: Edwin Kho  
Rekaan: Liz, C-Square Sdn Bhd  
© 2012 Women's Centre for Change, Penang

## Kamu on9 ke?

Hati-hati apabila anda berkawan di laman sosial.

### Jaga-jaga ya...

- Sekiranya anda tidak kenal orang itu, jangan beri maklumat peribadi anda (*seperti nama sebenar, jantina, umur, alamat, no. telefon bimbit, sekolah dan sebagainya*).
- Bila gunakan jaringan sosial (*FB, Twitter, You Tube*) guna tetapan privasi (*privacy setting*) untuk kawal siapa yang boleh lihat pameran di laman sosial anda.
- Jangan pamer atau hantar gambar intim anda kepada sesiapa sahaja.
- Sekiranya rakan di laman sosial menghantar komen lucu, minta dia berhenti. Jika tidak, laporkannya sebagai penganiayaan. Sekat atau batalkan dia sebagai rakan di laman sosial dan log keluar.
- Sekiranya anda bercadang untuk berjumpa kawan laman sosial anda yang belum pernah berjumpa ini, sila ambil langkah berjaga-jaga. Jangan pergi seorang diri, jumpa di tempat awam dan beritahu seseorang cth., keluarga atau kawan-kawan, tentang siapa yang anda hendak berjumpa, dimana dan bila anda akan balik.

## Kamera web

Pergh!!! Bestnya boleh *chat* sambil tengok orang yang sedang berbual dengan anda? Layan down!

Tunggu dulu, tahu tak orang lain yang berada di bilik yang sama pun boleh dengar semua perbualan dan melihat tingkahlaku anda?

Lagipun, apa yang anda buat boleh direkod tanpa anda sedari dan dipamer di laman sesawang.



### Ingat

- Tiada rahsia di dunia siber- maksudnya bila kamera web dipasang, jangan tunjuk apa-apa, buat apa-apa atau cakap apa-apa perkara yang anda tidak mahu sebar dan tak mahu orang lain lihat dan dengar.
- Pastikan arah kamera tidak dedahkan lokasi anda atau maklumat tentang diri anda yang boleh dikenalpasti dan disalahgunakan.
- Sila padamkan kamera setiap kali selesai diguna.

## Pembulian siber

Kadang-kala, ada yang menghantar atau mempamer mesej caci-maki melalui telefon bimbit atau internet. Mereka mungkin fikir ia adalah bahan jenaka atau tidak berbahaya. Betulkah? Memang tak!

Ia merupakan salah satu cara pembulian. Cara-cara pembulian siber termasuk curi kata laluan orang lain, buat blog atau laman sesawang benci untuk menentang seseorang atau sebar fitnah. Contoh lain termasuk mengedar gambar yang memalukan untuk menjatuhkan maruah seseorang, hantar virus, bahan lucah atau melampahi ke komputer seseorang.



Orang yang dianiaya boleh mengalami kebimbangan, kemurungan atau tekanan yang serius. Ada yang sampai rasa nak bunuh diri.

**Pembulian siber adalah salah.  
Jangan jadi pembuli siber.**

**Jika anda dibuli, beritahu pada orang dewasa yang anda percayai yang boleh membantu anda untuk memberhentikannya.**

## Cakap dgn siapa tu?

Orang yang tidak dikenali menelefon anda. Dia kata nak berkenalan. Suara dah sedap, ayat power pulak tu. Ok la kan, cakap telefon saja pun.



### Jap, fikir dulu...

- **Jangan percaya kepada pemanggil yang tidak dikenali.**  
Apa yang orang itu kata atau sms pada anda mungkin tak betul.
- **Jangan beri maklumat peribadi anda.**  
Maklumat ini boleh digunakan untuk mencederakan atau menghendap anda.
- **Jangan beri nombor telefon bimbit anda kepada orang yang tidak dikenali.**  
Telefon bimbit adalah peribadi. Anda mempunyai hak ke atas privasi anda. Pesan perkara ini pada rakan anda juga.
- **Jangan beri nombor telefon bimbit rakan anda kepada orang lain tanpa kebenaran mereka.**
- **Hati-hati apabila berjumpa dengan orang yang dikenali melalui telefon bimbit.**  
Jangan pergi seorang diri. Beritahu pada orang lain mana anda pergi dan berjumpa di tempat awam.



Boleh percaya ke? Anda mungkin ditipu memberi maklumat peribadi yang boleh membahayakan anda. Jadilah pengguna telefon yang bijak.

## "Sexting"

Menghantar gambar atau mesej intim diri sendiri kepada orang lain dipanggil "sexting". Saja suka-suka, tak bahaya kan? Apa nak sibuk, saya punya suka?

### Anda fikirlah sendiri....

"Sexting" ada bahayanya.

Apabila gambar atau mesej peribadi diedarkan kepada orang lain, individu yang terlibat akan berasa sangat malu dan aib. Reputasi dan keyakinan diri individu itu boleh di musnah. Individu itu boleh menjadi mangsa buli atau gangguan apabila gambar berkenaan didedahkan di laman sesawang.



### Ingat

- Apa yang anda hantar, boleh dilihat oleh ramai orang.
- Ia juga boleh dipamer di laman sesawang. Kesan jejak digital adalah kekal selamanya.
- Mengedarkan imej berunsur seks adalah salah di sisi undang-undang.
- Menghantar teks / mesej / video / gambar orang lain yang intim melanggar privasi mereka.